

09 FEB 2000

Mahkamah-Anwar

DR MAHATHIR BERI KETERANGAN DALAM KES ANWAR MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkat bekas timbalan perdana menteri itu minggu depan.

Peguam Gobind Singh Deo yang mewakili Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, adik angkat Anwar, berkata pasukan pembelaan bercadang memanggil Perdana Menteri selepas beberapa saksi selesai memberikan keterangan mereka.

"Kita akan memanggil PM (Perdana Menteri) menjelang minggu depan dan beliau perlu datang ke mahkamah sebagaimana saksi lain," katanya kepada pemberita selepas sesi perbicaraan hari ini.

Sapina sudah disampaikan kepada Perdana Menteri dan pihak pembelaan akan memberitahu beliau bila beliau diperlukan, kata Gobind Singh.

Sapina terhadap Dr Mahathir dikeluarkan pada Oktober lepas atas permohonan Sukma.

Perbicaraan hari ini yang masuk hari ke-82 selesai mendengar keterangan Sukma yang diikuti dengan keterangan pakar forensik, Dr Zahari Noor dan Rahimazlan Ab. Rahim, yang pernah bekerja sebagai pengurus pengubahsuaian pangsapuri Sukma pada tahun 1992 dan 1993.

Anwar, 52, dan Sukma, 39, didakwa meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini pada suatu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan juga didakwa bersubahat dengan bekas menteri kewangan itu untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri Anwar, di tempat dan pada masa yang sama.

Dalam keterangannya, Dr Zahari berkata beliau tidak menolak kemungkinan Sukma pernah diliwat walaupun pemeriksaan menunjukkan tiada tanda bukti bahawa bahagian duburnya pernah atau telah dimasuki benda tumpul sama ada baru atau lama.

Ketika ditanya Gobind apa yang dimaksudkannya dengan benda tumpul, Dr termasuk kemaluan lelaki.

Dr Zahari yang bertugas di Hospital Kuala Lumpur berkata kesimpulan itu beliau dapati selepas memeriksa Sukma pada 9 Sept 1998 di Bukit Aman atas permintaan ASP Rodwan Yusuf.

Beliau bersetuju dengan cadangan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Azahar Mohamed bahawa agak susah memperoleh tanda bukti perubahan bagi kes liwat melainkan pemeriksaan dijalankan beberapa jam selepas kejadian.

Sebelum itu, Sukma yang menyambung keterangannya dalam pemeriksaan balas Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail berkata beliau ada menghantar surat kepada Bandaraya Properties Management Sdn Bhd mengenai alamat surat menyuratnya pada Mac 1993.

Beliau berkata salah satu suratnya bertarikh 11 March 1993 meminta segala urusan surat-menyurat pemaju itu dialamatkan ke pangsapurinya di Tivoli Villa.

Semasa disoal semula oleh Gobind, Sukma berkata beliau juga memaklumkan keluarganya mengenai penukaran alamatnya itu.

Semalam dalam keterangannya Sukma berkata beliau hanya berpindah ke pangsapuri itu pada April 1993 selepas pengubahsuaian.

Ditanya mengenai pengakuannya yang dibuat di hadapan seorang hakim pada 17 Sept 1998, Sukma berkata segala butir terperinci yang dinyatakannya itu diberikan oleh sepasukan polis.

Beliau berkata beliau berpendapat beliau diberi kebebasan sehingga boleh mengambil kertas dan pen semasa ditahan di Bukit Aman kerana telah

mengikuti kehendak polis untuk mengaku bersalah atas tuduhan membenarkan dirinya diliwat dan membuat pengakuan itu.

Sementara itu, Rahimazlan dalam keterangannya berkata beliau bekerja dengan Sukma antara tahun 1992 dan akhir 1998.

Beliau berkata beliau mengurus dan mengelola pengubahsuaian pangsapuri Sukma yang dibuat secara keseluruhan yang bermula pada Disember 1992 dan siap dalam tempoh tiga hingga empat bulan.

Perbicaraan disambung esok.

-- BERNAMA